

Soalan-soalan Lazim

Program: Super High Income Programme

Mengenai Program SHIP

1. Apakah matlamat program Super High Income Programme (SHIP)?

Super High Income Programme (SHIP) dijalankan untuk meningkatkan lagi penglibatan Bumiputera dalam kerjaya berpendapatan melebihi RM20,000 sebulan dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti. Program ini merangkumi latihan dan persijilan di dalam pelbagai industri yang boleh menawarkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan kekurangan pekerja berkemahiran terutamanya dalam bidang-bidang yang memerlukan seperti Kedoktoran, Teknologi Maklumat, Perkhidmatan Kewangan, dan lain-lain.

2. Apakah kriteria yang ditetapkan untuk memohon skim ini?

- Terbuka kepada Bumiputera Malaysia berusia di bawah 40 tahun yang sedang bekerja di dalam industri yang berkenaan serta mempunyai pengalaman bekerja yang bersesuaian dan berpendapatan sederhana tinggi.
- Kursus terpilih sejajar dengan permintaan negara dan industri.

3. Apakah peluang yang ditawarkan kepada pemohon program Super High Income Programme (SHIP)?

Pembentangan melalui Bank Rakyat untuk menjalani program mendapatkan sijil kepakaran dalam bidang yang telah ditetapkan oleh Yayasan Peneraju.

4. Adakah disediakan kemudahan pembiayaan bagi membiayai kos pengajian?

Pembentangan Pendidikan-i di sediakan oleh Bank Rakyat. Terma dan syarat akan dinyatakan oleh Bank Rakyat dalam masa terdekat.

SHIP Melalui Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat

5. Apakah Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat?

Pembiayaan Pendidikan-i merupakan produk pembiayaan yang patuh Syariah dan ditawarkan khusus bagi membantu pelanggan untuk menanggung kos pengajian.

6. Berapakah jumlah maksimum Pembiayaan Pendidikan-i yang boleh dipohon?

Jumlah maksimum Pembiayaan Pendidikan-i yang boleh dimohon adalah sebanyak RM200,000.00

7. Apakah yang dibiayai sekiranya pelanggan memohon Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat ini??

Kos/Yuran pengajian sahaja

8. Adakah pelanggan yang tidak berpendapatan tetap boleh memohon Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat?

Tidak. Pembiayaan ini hanya ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai pendapatan tetap sahaja.

9. Berapa lama tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan ini?

Tempoh masa yang diambil adalah empat belas (14) hari bekerja tertakluk kepada penerimaan lengkap dokumen sokongan.

10. Bagaimanakah cara pengeluaran Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat ini dilakukan?

Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan-i ini akan dilakukan seperti berikut:

Kos/Yuran pengajian

Dibayar secara terus kepada Institusi Pengajian dan dibuat secara berperingkat bagi setiap semester sepanjang tempoh pengajian. Namun bagi setiap semester, pengeluaran hanya akan dibuat setelah menerima salinan keputusan peperiksaan dan invois yuran pengajian yang telah disahkan oleh Institusi Pengajian.

11. Bilakah pelanggan mula membayar Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat ini?

Pelanggan akan mula membayar pembiayaan setelah pengeluaran pertama dilakukan. Bayaran yang akan dilakukan seperti berikut:

- Tempoh pengajian
Bayaran keuntungan pembiayaan sahaja.

- Selepas tempoh pengajian
Bayaran ansuran penuh (jumlah pembiayaan beserta keuntungan).

12. Adakah Pembiayaan Pendidikan-i Bank Rakyat ini dilindungi Takaful?

Ya. Pembiayaan ini dilindungi Takaful dan bayaran sumbangan ditanggung oleh pelanggan.

13. Apakah perlindungan yang diperolehi oleh pelanggan?

Baki pembiayaan akan dijelaskan oleh pihak Takaful Operator sekiranya pelanggan:

- Meninggal dunia.
- Hilang upaya kekal.